

SOALAN NO. 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan dengan tegas pendirian dan dasar yang menyentuh pendidikan anak menggunakan rotan dalam negara kita dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk mendidik masyarakat supaya peka dan berilmu di dalam metodologi mendidik anak-anak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin dan mengambil berat berhubung kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak. Sehubungan itu, Kementerian ini sedang meneliti semula Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukan elemen pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan serta asas untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak di Malaysia.

Bagi maksud tersebut, KPWKM sedang dalam proses menggubal semula akta sedia ada bagi tujuan penambahbaikan. Salah satu peruntukan yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang Kanak-Kanak baharu adalah bagi memansuhkan hukuman **SEBATAN** ke atas pesalah kanak-kanak. Antara hukuman yang boleh dikenakan ke atas pesalah kanak-kanak termasuklah amaran, bon berkelakuan baik, denda, perintah percubaan, dihantar ke Sekolah Henry Gurney, atau pemenjaraan. Sebatan adalah salah satu pilihan yang diberikan kepada hakim bagi menghukum mereka dengan kesalahan yang setimpal. Pemansuhan sebatan ini dicadang

supaya digantikan dengan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat yang dilihat dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak dan seterusnya diharap dapat mengubah sikap negatif mereka. Kaedah ini juga dilihat sebagai kaedah yang lebih positif kerana menekankan tentang kesedaran jangka panjang dan penglibatan dalam komuniti.

Manakala bagi perbuatan merotan oleh orang dewasa terhadap kanak-kanak pula, bukan semua perbuatan rotan menjadi kesalahan jenayah. Perlakuan merotan hingga menyebabkan kecederaan fizikal atau mental boleh terjumlah kepada melakukan sesuatu kesalahan jenayah. Peruntukan berkaitan telah lama wujud di dalam Akta Kanak-Kanak sejak tahun 2001 lagi. Sebenarnya perbuatan itu telah dijadikan suatu kesalahan di bawah seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001 yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu atau kedua-duanya.

Walau bagaimanapun, Kementerian sedang meneliti dan memperhalusi cadangan untuk memasukkan peruntukan undang-undang yang lebih terperinci supaya apa-apa perbuatan kepada kanak-kanak hingga menyebabkan kecederaan fizikal atau emosi kepada kanak-kanak

merupakan suatu kesalahan jenayah yang boleh dikenakan hukuman penjara atau denda yang lebih tinggi. Di samping itu, Kementerian juga mempertimbangkan untuk mengadakan hukuman alternatif seperti khidmat masyarakat, kaunseling atau kursus keibubapaan.

Dalam hal ini, kita semua perlu sedar bahawa proses mendidik anak hendaklah dilakukan dengan penuh hikmah dan bijaksana. Justeru amat penting untuk ibubapa mempunyai kemahiran dalam menghadapi karenah anak-anak. KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menyediakan pelbagai kursus keibubapaan bagi meningkatkan kemahiran membesarkan dan mendidik anak-anak seperti kursus Parenting@work, SmartStart, terapi minda dan Ilmu Keluarga@LPPKN seperti Belaian Kasih, Mutiara Kasih dan sebagainya. Kursus-kursus ini diharap memberi tambah nilai kepada kemahiran ibu bapa masa kini dalam mendidik anak-anak. Pada masa yang sama, pendekatan psikososial masih diutamakan dalam mendidik anak-anak kerana pengaruh gaya hidup sosial kini menuntut ibu bapa memahami emosi dan sosial anak-anak.

Justeru, KPWKM sebagai agensi utama yang memperjuangkan

kesejahteraan dan keselamatan hidup kanak-kanak, menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan kaedah mendidik dan mendisiplinkan kanak-kanak yang paling berkesan. Hukuman rotan atau fizikal yang lain tidak semestinya memberikan kesan yang terbaik dan bukannya tiada pilihan yang lain. Kaedah yang memberikan kesedaran dan kesan jangka panjang adalah yang terunggul dalam mencorakkan keperibadian yang sihat dan masa depan yang cerah buat anak-anak Malaysia.